

11/07/2000

Pendidikan ekonomi untuk keperluan pasaran

Prof Dr Mohammad Alias

BARU-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengemukakan pendapat pemilihan bidang pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) hendaklah berdasarkan keperluan pekerjaan dan jenis kemahiran yang diperlukan negara.

Ini untuk mengelakkan ketidaksesuaian antara bidang pengajian yang diikuti dengan keperluan kemahiran yang diperlukan oleh pihak majikan. Kewujudan ketidaksesuaian menambahkan kos kepada pihak majikan iaitu kos untuk melatih semula tenaga kerja berkenaan.

Namun yang lebih ditakuti oleh lulusan IPT ialah prospek pengangguran yang lama kerana bidang pengajian dan latihan yang diterimanya tidak lagi relevan kepada keperluan pasaran.

Dalam ruangan Bicara Ekonomi pada 11 Januari lalu (Mutu graduan ekonomi dipertingkatkan), kita ada mengemukakan beberapa persoalan.

Pertama, apakah halatuju dan cabaran yang sedang dihadapi dalam pendidikan ekonomi? Kedua, kenapa kita katakan pendidikan ekonomi berada di persimpangan jalan? Pendidikan ekonomi di sini dimaksudkan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran bagi menghasilkan siswazah ekonomi untuk memenuhi keperluan tenaga kerja, keserjanaan dan pendedahan kepada ide-ide.

Saya ingin memberi komen terhadap pendapat PM. Komen yang diberi adalah dalam konteks pendidikan ekonomi. Pendapat Perdana Menteri seperti yang dinyatakan di atas membuka semula perbincangan mengenai peranan sebenar universiti. Secara tradisinya universiti berperanan sebagai peneroka dan penjana ilmu (melalui aktiviti penyelidikan) dan penyampai ilmu. Pelajar yang memasuki universiti diberi ilmu dan latihan sesuai dengan kehendak program pengajian yang diikuti. Persoalan yang biasa ditimbulkan ialah sejauh manakah universiti perlu tunduk atau akur kepada kehendak pasaran.

Satu pihak memberi tumpuan yang lebih kepada pertimbangan kehendak pasaran (market-driven) manakala satu pihak yang lain pula menekankan kepada fungsi universiti.

Apakah hakikat yang sebenarnya? Bagaimanakah kita hendak meleraikan persoalan ini? Universiti wujud dalam masyarakat. Kewujudannya dibiayai oleh masyarakat dan untuk masyarakat. Jika premis ini dipersetujui, maka universiti perlu memberi pendidikan dan latihan kepada pelajarnya supaya mereka boleh memasuki pasaran buruh kelak. Program pengajian yang ditawarkan perlulah relevan kepada kehendak pasaran. Oleh kerana keperluan pasaran itu dinamik sifatnya, maka program pengajian yang ditawarkan perlu dikemaskini dari semasa ke semasa.

Program baru yang relevan perlu ditawarkan manakala program yang tidak relevan lagi dikurangkan skopnya secara berperingkat. Pengambilan pelajar dari segi bilangan juga perlu mencerminkan kehendak pasaran. Pengambilan dan latihan tenaga pengajar pula perlu konsisten dengan keperluan program pengajian dan pengambilan pelajar.

Terdapat juga tenaga pengajar yang perlu dilatih semula (retooling) dengan kemahiran baru. Namun perlu ada caveat mengenai pandangan di atas. Fungsi tradisi universiti itu perlu juga diberi ruang untuk berkembang. Pertama, perlu wujud sebilangan tenaga akademik teras yang boleh mengembangkan ilmu for the sake of knowledge. Walaupun penemuan mereka mungkin dalam jangka pendek tidak ketara kebolehpakaian pasarannya, tetapi dalam jangka panjang hasil penyelidikan asas menjadi pemangkin dan tunjang kepada penemuan baru.

Pada masa yang sama, pelajar juga perlu ada peluang untuk memilih bidang pengajian yang mereka minati. Dan jika mereka mencapai keputusan cemerlang, mereka boleh meneruskan pengajian mereka pada tahap yang lebih tinggi iaitu sarjana dan PhD.

Negara memerlukan penyelidik yang berkaliber untuk kegiatan R&D untuk meningkatkan daya saing negara. Kedua, keperluan pasaran bersifat dinamik seperti yang dinyatakan di atas. Apa yang tidak relevan sekarang mungkin menjadi relevan semula pada masa hadapan. Justeru, perubahan program pengajian hendaklah dilaksanakan secara berhemah.

Perubahan yang dibuat perlulah secara beransur-ansur, tidak secara mendadak.

Permintaan untuk lulusan IPT pada umumnya dan untuk siswazah ekonomi khususnya dipengaruhi antara lain oleh struktur ekonomi negara dan perkembangan ekonomi global. Cabaran globalisasi dan liberalisasi perlu dihadapi secara tuntas. Jika tidak, perkembangan ekonomi negara mungkin terjejas kerana kehilangan daya saing dan pasaran eksport.

Sebuah ekonomi yang terbuka seperti Malaysia perlu mempertahankan dan meningkatkan daya saing antarabangnya.

Ekonomi negara telah mengalami perubahan struktur yang ketara. Perubahan struktur akan terus berlaku. Kerajaan sedang merangka strategi untuk memandu peralihan ekonomi negara dari P-ekonomi kepada K-ekonomi, yakni ekonomi yang pertumbuhannya bertunjangkan kepada ilmu pengetahuan. Dalam konteks ini, pendidikan ekonomi yang ditawarkan oleh IPT perlu memberi kecekapan dalam teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) kepada pelajar. Kurikulum ekonomi juga perlu mengambil kira imperatif dan implikasi K-ekonomi terhadap agihan sumber, dan interaksi antara berbagai sektor dalam ekonomi. (hjmohd.99@webmail.uum.edu.my)